UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

KENYATAAN TAWARAN

1. Tawaran adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal yang berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA / PERBENDAHARAAN MALAYSIA / CIDB** di dalam kod bidang yang berkaitan dan pendaftarannya masih lagi berkuatkuasa bagi tawaran berikut:-

RUJUKAN	BUTIRAN TAWARAN	PENDAFTARAN	HARGA
UMK(B)/S/ 38/2026-PPI	**PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJILARI DAN MENTAULIAHKAN LED, PERALATAN AUDIO DAN MCP DI PEJABAT PERPUSTAKAAN DAN PENGURUSAN ILMU, UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN** **LAWATAN TAPAK (WAJIB)** Tarikh: **23 OGOS 2026 (AHAD)** Masa: **10.00 Pagi** Tempat: **BILIK MESYUARAT UTAMA, PEJABAT PERPUSTAKAAN DAN PENGURUSAN ILMU, UMK BACHOK** Tarikh Tutup Tawaran: **01 SEPTEMBER 2026 (SELASA)** **12.00 TENGAH HARI**	**KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** KOD BIDANG : **140502 – KOMPONEN DAN AKSESORI ELEKTRIK/ ELEKTRONIK & 221304 – AUDIO VISUAL**	**RM20.00**

2. Hanya penyebut harga yang menghadiri **LAWATAN TAPAK** sahaja yang dibenarkan menyertai tawaran sebut harga ini.

3. Penyebut harga hendaklah membawa sijil asal dan salinan pendaftaran syarikat dan kad pengenalan semasa menghadiri lawatan tapak. Hanya **PENAMA DI DALAM SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA sahaja** yang **DIBENARKAN MENGHADIRI LAWATAN TAPAK.**

4. Penyebut harga yang mempunyai kod bidang berkaitan dan masih sah pendaftarannya hanya boleh mendapatkan dokumen Sebut Harga melalui Sistem e-Perolehan UMK mulai **23 OGOS 2026 (AHAD).**

5. Hanya penyebut harga yang mendaftar **SECARA ATAS TALIAN (ONLINE)** dengan pihak UMK sahaja yang layak menyertai sebut harga ini. Pendaftaran sebagai pembekal dengan pihak UMK boleh dilakukan secara atas talian (online) di laman web e-Perolehan UMK melalui capaian:

https://www.tenderwizard.my/UMK

6. Harga dokumen sebut harga adalah **RM20.00**. Dokumen sebut harga boleh diperolehi setelah penyebut harga berdaftar secara atas talian dengan pihak UMK dan pembayaran pendaftaran dan dokumen telah dibuat.

7. Dokumen Tawaran Sebut Harga serta lain-lain dokumen sokongan hendaklah dikemukakan secara atas talian (online) melalui Sistem e-Perolehan UMK pada atau sebelum **01 SEPTEMBER 2026 (SELASA)**, jam 12.00 tengah hari. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**

8. Pembekal yang berjaya menerima tawaran penyediaan bekalan/ perkhidmatan/ kerja melalui sistem e-Perolehan UMK akan dikenakan Fi Perkhidmatan sebanyak **0.8% (tidak termasuk SST 8%) daripada nilai kontrak/ tawaran tertakluk kepada had maksimum berjumlah RM9,600.00 bagi nilai kontrak RM1.2 juta atau lebih**.

9. Kenyataan tawaran ini juga boleh dilihat di laman web kami **http://iklan.umk.edu.my** dan laman web e-perolehan UMK.

10. Pihak Universiti tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran dan keputusan Universiti adalah muktamad.